

Latar Belakang Projek Inovasi

MyKamusKahwin tercipta kerana terdapat permasalahan semasa pelajar menjawab soalan latih tubi secara lisan Ketika sesi PdP. Mereka sering tersilap ketika memberikan definisi dan menentukan hukum berkaitan istilah berkaitan perkahwinan. Kesilapan ini adalah kerana mereka tidak terbiasa dengan istilah arab yang digunakan di dalam silibus Pendidikan Islam 2 (MPU1331). MyKamusKahwin ini diujudkan untuk membantu memudahkan pelajar mengetahui maksud istilah yang dicari dengan tepat, betul dan pantas. Ia juga dilengkapi dengan penerangan ringkas supaya pelajar boleh memahami sesuatu istilah dengan lebih baik.

Objektif


1. Memudahkan pelajar mengetahui maksud istilah dalam topik perkahwinan.
2. Membezakan maksud antara satu istilah dengan istilah yang lain dengan mudah.
3. Mengelakkan kekeliruan dalam memahami istilah arab yang digunakan dalam hukum perkahwinan Islam.

Rasional membangunkan MyamusKahwin

1. Mudah mencari makna istilah dengan satu klik sahaja.
2. Cepat dan tepat.
3. Tidak memerlukan talian internet.
4. Tidak memerlukan ruang storan yang tinggi (10KB) sahaja)
5. Mudah dimuat turun, dikongsi dan dihantar kepada sesiapa melalui semua medium komunikasi elektronik.
6. Hanya perlu kemahiran komputer asas sahaja.

Penggunaan MyKamusKahwin

Pada muka hadapan MyKamusKahwin, terdapat beberapa istilah perkahwinan, klik pada perkataan yang dikehendaki, anda akan dibawa kepada maksud yang dicari. Klik pada butang Kembali, anda akan dibawa ke muka hadapan semula untuk mencari maksud istilah yang lain.



Proses Pelaksanaan Inovasi

Membuat soalan berkaitan munakahat kepada pelajar untuk mengetahui sejauh mana kemampuan mereka dalam memahami istilah munakahat tersebut

Mengumpulkan istilah munakahat yang digunakan di dalam Kursus Pendidikan Islam 2 MPU1331 dengan merujuk silibus MPU1331 dan bahan rujukan.

Mencari maksud sebenar istilah tersebut daripada bahan rujukan yang valid daripada sumber maya dan cetak.


Memasukkan audio mengikut istilah

Memberikan MyKamusKahwin kepada pelajar untuk diaplikasikan dan memurnikan MyKamusKahwin.

MyKamusKahwin sedia untuk digunakan

Perbezaan Sebelum Dan Selepas Penggunaan MyKamusKahwin

SEBELUM	SELEPAS
Pelajar keliru dengan maksud istilah dalam topik Munakahat	Pelajar boleh merujuk MyKamusKahwin untuk mengelakkan kekeliruan.
Pelajar melafazkan istilah arab dengan phonology Bahasa Melayu	Pelajar dapat melafazkan istilah Arab yang digunakan dengan tepat.
Pelajar perlu mencari maksud istilah munakahat di internet dalam web yang berbeza.	Pelajar tidak perlu melayari laman web yang berbeza, hanya buka MyKamusKahwin sahaja.
Pelajar tidak dapat mencari maksud istilah munakahat jika talian (line) internet terganggu.	Pelajar tidak perlu melayari internet.



Rajah menunjukkan terdapat peningkatan 12% pengetahuan pelajar selepas penggunaan MyKamusKahwin

